

FBSB UPM TERUS LAKAR KECEMERLANGAN SAMBUT DUA DEKAD PENUBUHANNYA

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

Foto: Noor Azreen Awang



SERDANG, 1 Ogos – Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah meraikan dua dekad penubuhannya yang penuh dengan pelbagai kecemerlangan, hari ini.

Dekan FBSB, Prof. Dr. Rosfarizan Mohamad, mengimbau kembali perjalanan fakulti sejak penubuhannya pada 1 Ogos 2004 yang penuh dengan pelbagai liku-liku dengan pelbagai pencapaian gemilang.

“Fakulti ini berjaya melahirkan 3,522 graduan pra-siswazah, di mana 669 daripadanya memperoleh kelas pertama. Selain itu, fakulti ini juga telah

menghasilkan 832 graduan pascasiswazah termasuk 656 graduan tempatan dan 264 pemegang PhD.

"FBSB juga berbangga dengan kejayaan lain yang dilakarkan seperti pensyarah di sini tersenarai dalam kalangan 2% saintis terbaik dunia, Top Research Scientist Malaysia Award (TRSM), Anugerah Tokoh Akademik Negara dan pelbagai lagi.



"Masa telah berlalu begitu pantas dan sememangnya perkembangan fakulti ini amat membanggakan. Dalam tempoh dua dekad ini, FBSB telah menawarkan empat program akademik pra-siswazah serta pelbagai program pascasiswazah termasuk master sains dan Doktor Falsafah (PhD) dengan keseluruhan 12 program bagi pascasiswazah," katanya.

Tambahnya lagi, Majlis Pelancaran Dua Dekad FBSB ini bukan sahaja meraikan kejayaan lalu, tetapi juga menetapkan hala tuju masa depan untuk menyumbang kepada kemajuan industri bioteknologi.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata FBSB perlu meningkatkan lagi strategi yang hebat untuk terus maju ke hadapan dan mencipta pelbagai kejayaan pada masa yang akan datang.

“Kita komited untuk terus melahirkan graduan yang berkualiti dan penyelidik terkemuka yang mampu menyumbang kepada kemajuan industri bioteknologi serta memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin mencabar.



“Dalam menghadapi cabaran masa kini, kita juga harus berusaha untuk menarik minat generasi muda dalam bidang STEM kerana dilihat mereka kurang gemar terhadap bidang ini, dan ini merupakan satu cabaran besar bagi kita.

“Kita perlu mencari pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk memastikan lebih ramai anak muda berminat untuk menyertai dan menyumbang dalam bidang ini,” katanya pada ucapan perasmian Majlis Pelancaran Dua Dekad FBSB di Dewan Kuliah Utama (DKU) BioTech 1. -UPM